

UMP tanam 3,000 bakau di Cherating

Kampus



Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

DALAM usaha menangani isu pelepasan gas rumah hijau, Universiti Malaysia Pahang (UMP) bersama UMW Toyota Motor dan Perodua mengambil inisiatif menanami 3,000 pokok bakau di sekitar Cherating, Kuantan, Pahang.

Program tersebut merupakan sebahagian daripada usaha Inisiatif Pucuk Hijau UMW bagi mengukuhkan komitmen bersama universiti ke arah melestarikan alam sekitar.

Program melibatkan lebih 200 sukarelawan terdiri daripada pelajar UMP dan wakil perundangan UMW itu bertujuan menyokong misi Malaysia mencapai 100 peratus neutral karbon menjelang tahun 2050.

Ketua Pegawai Mobiliti & Inovasi merangkap Presiden Aeroangkasa, UMW Holdings Berhad, Datuk Abdul Rashid Musa, sebanyak 2,000 pokok bakau telah berjaya ditanam di Pusat Kelip-Kelip Cherating.

Katanya, ia merupakan tambahan kepada 2,800 pokok bakau yang telah ditanam melalui Inisiatif Pucuk Hijau UMW pada tahun lepas.

"Kami berbesar hati kerana UMP turut serta dalam program hari ini untuk bersama-sama memelihara keindahan negara.

"Walaupun Kumpulan UMW telah terlibat dalam penanaman semula pokok sebelum ini, namun kami ingin mempertingkatkan lagi usaha dengan memberi fokus kepada penanaman pokok bakau pula," katanya.

Program tersebut turut dihadiri Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Tun Sri Datuk Dr. Abdul Aziz Abdal Rahman dan Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Ts. Dr. Yuserie Zaimuddin.

Abdul Rashid turut memaklumkan, sehingga akhir Mac lalu, Kumpulan UMW telah berjaya menanam sebanyak 195,200 pokok bakau di



ABDUL RASHID (empat dari kanan) bersama Abdul Aziz (lima dari kanan) sewaktu program penanaman anak pokok bakau di Pusat Kelip-Kelip Cherating, Kuantan, Pahang.



PROGRAM penanaman pokok bakau berkenaan merupakan usaha daripada pihak UMP bersama Inisiatif Hijau UMW.



SERAMA! lebih 200 sukarelawan terdiri daripada pelajar UMP dan wakil UMW terlibat dalam program penanaman bakau di Cherating.

seluruh negara.

Tambahnya, pihaknya juga berada pada landasan tepat untuk mencapai sasaran 300,000 pokok bakau menjelang akhir tahun ini.

"Kami memilih untuk melabur dalam inisiatif ini kerana hutan bakau terkenal dengan kecekapan penyerapan karbon yang tinggi dan sangat penting kepada ekosistem negara.

"Inisiatif ini juga selaras dengan Kempen 100 Juta Penanaman Pokok Kebangsaan Kerajaan Malaysia 2021-2025 yang dilancarkan pada Januari 2021," ujarnya.

Memorut beliau lagi, pokok bakau sangat penting untuk ekosistem kita kerana ia dapat melindungi pantai daripada hakisan, ribut, perubahan iklim dan membantu pembiakan hidupan marin.

Dia menambah, pokok bakau juga mampu menyerap karbon atmosfera lebih daripada lima kali ganda sehektar berbanding hutan tropika.

Sementara itu, Dr. Abdul Aziz berkata, inisiatif Pucuk Hijau tersebut merupakan lambang perpaduan antara UMP dan UMW.

Terangnya, kedua-dua dua entiti tersebut banyak menyumbangkan kepada pembangunan mampan serta melindungi keindahan alam sekitar.

Ujarnya, pihak UMP berharap inisiatif tersebut akan merisetuskan semangat dan inspirasi dalam diri setiap individu untuk sama-sama melindungi alam sekitar.

Beliau menjelaskan, program tersebut bukan sahaja melibatkan aktiviti penanaman pokok bakau, malah ia mampu memupuk kesedaran kepada semua pihak mengenai kepentingan kawasan hijau dan hutan.

"Program ini melibatkan aktiviti penanaman pokok, pemuliharaan kawasan hijau, program kitar semula dan inisiatif pendidikan alam sekitar.

"Sudah pasti, ia akan memberi pengalaman baharu kepada pelajar UMP untuk menghargai dan menjaga alam sekitar.

"Saya berharap kita dapat bersatu tenaga, tanamkan nilai-nilai kelestarian dalam diri dan sebarkan kesedaran alam sekitar kepada komuniti di sekeliling," katanya.